

Kejayaan Kongres (I) seperti BN amalkan dasar2 betul — Dr. M

NEW DELHI 19 Jan. — Parti Kongres (I) seperti juga Barisan Nasional di Malaysia dapat terus berkuasa kerana mengamalkan dasar-dasar yang betul.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan pandangan ini dalam rundungan makan malam dengan tiga Menteri Kanan Kerajaan Baru India di sini malam tadi.

Mereka ialah Menteri Perdagangan, Prannat Mukerjee, Menteri Luar, P. V. Narasima Rao dan Menteri Kewangan, R. Venkataraman.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan kepada pihak India, sebuah kerajaan yang kukuh seperti kedudukan Parti Kongres dengan kelebihan suara dua pertiga hendaklah terus berpegang kepada apa yang dipercayainya sebagai betul.

Beliau menifatkan faktor ini sebagai penyumbang kepada kembalinya Parti Kongres ke tampuk pemerintahan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian, memanglah menjadi satu perkara biasa dalam sistem demokrasi mana perkara-perkara yang baik kadang kala tidak mendapat sambutan.

Dengan kelebihan suara dua pertiga di Parlimen katanya, kerajaan yang memerin-

DARI KHALID MOHD

tah India sekarang dapat meneruskan apa yang mereka fikir baik untuk rakyat.

Di Malaysia katanya, Kerajaan Barisan Nasional yang sedang memerintah mempunyai majoriti dua pertiga dalam Parlimen dan ini telah membolehkannya melaksanakan dasar-dasar yang difikirkan betul dan baik untuk rakyat.

Dengan kuasa dua pertiga di India tambah beliau, Kerajaan Kongres berada dalam kedudukan di mana ia boleh mendapat kepercayaan rakyat ke arah mencapai kedudukan politik yang stabil.

Timbalan Perdana Menteri yakin, dengan kuasa yang diberikan oleh rakyat kepadanya dalam pilihanraya yang baru lalu, Kerajaan India boleh mencapai kestabilan tersebut yang juga penting dalam hubungan dengan negara-negara lain di rantau ini.

Di Malaysia katanya, hanya sekali sahaja kerajaan yang memerintah tidak mendapat kelebihan suara dua pertiga di Parlimen.

Dr. Mahathir menekankan betapa keyakinan serta kepercayaan terhadap kerajaan

yang memerintah amat penting dalam mewujudkan suasana yang 'teguh dan kukuh dalam semua bidang.

"Parti Kongres dapat berkuasa semula kerana perkara-perkara yang betul yang ia telah buat selama ini," ujarnya.

Sambil mengucapkan tahniah kepada parti itu Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, dalam pada itu suara pembangkang juga perlu untuk memerhati dan "check" perjalanan parti yang memerintah.

Pagi ini, Dr. Mahathir dan rombongan melawat Kompleks Perusahaan Okhla di mana terdapat kilang-kilang peringkat sederhana.

Dalam lawatan ini, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menumpukan perhatian ke atas industri peringkat kecil yang boleh dimulakan atau disesuaikan untuk diadakan di Malaysia.

Antara kilang dilawatinya ialah kilang pengeluaran pisau cukur, dan alat-alat radio yang bercorak labour intensive termasuk Institut Perindustrian Kecil Okhla.

Menurut para pegawai yang mengikutinya, kilang-kilang seperti ini adalah perlu dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.